

SOALAN NO: 78

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

RUJUKAN : BL1 [PR-1342-T74288]

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah kafe siber di Kuala Lumpur yang dikesan menjalankan aktiviti perjudian haram dan apakah faktor yang menyebabkan mereka ini masih boleh beroperasi walaupun sudah dijalankan serbuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, berdasarkan rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, terdapat sebanyak 911 pusat siber dan kafe siber beroperasi di sekitar Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 587 pusat siber dan kafe siber berlesen manakala selebihnya sebanyak 324 pusat siber dan kafe siber didapati beroperasi tanpa kelulusan lesen di Kuala Lumpur.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 94 pusat siber dan kafe siber yang terlibat dengan aktiviti pertaruhan dengan ganjaran wang dan premis terbabit telah pun dikenakan tindakan sita peralatan mereka seperti komputer, mesin simulator dan mesin permainan, pemotongan bekalan elektrik, air dan perkhidmatan internet hanya mengganggu perjalanan aktiviti mereka di dalam tempoh masa yang singkat dan bukan berpanjangan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut membataalkan mana-mana pelesen yang didapati melanggar syarat lesen khususnya yang membabitkan aktiviti pertaruhan dengan imbuhan wang di pusat siber dan kafe siber. Pada tahun 2016, sebanyak 144 kali pemantauan dan pemeriksaan berjadual dibuat bagi memastikan premis tidak menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan syarat-syarat dan undang-undang yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keuntungan yang besar kepada pengusaha menjadikan aktiviti ini sukar diberhentikan walaupun tindakan yang berterusan sentiasa dijalankan oleh berbagai agensi penguatkuasaan. Mereka juga dipercayai mempunyai modal serta peralatan dalam jumlah

yang besar dan mudah dipindahkan dari satu premis ke premis yang lain bagi memulakan semula aktiviti selepas tindakan penguatkuasaan dikenakan.

Oleh itu, dicadangkan agar permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan internet bagi premis perniagaan perlulah diperketatkan supaya kawalan ke atas aktiviti pertaruhan secara atas talian dapat dikawal di samping siasatan terperinci perlu juga dijalankan untuk mengenalpasti bagaimana pengusaha ini mendapatkan mesin-mesin permainan dengan mudah dimanipulasi untuk aktiviti pertaruhan.